

TRANSAKSI JUAL BELI EMAS MELALUI PEMASARAN BERBILANG TINGKAT (*MULTI-LEVEL MARKETING*) DALAM ISLAM: SOROTAN LITERATUR

Gold Transaction through Multi-Level Marketing in Islam: A Literature Review

MOHAMAD SYAHIR BIN MOHAMAD
SALMY EDAWATI BT YAACOB
AZLIN ALISA BT AHMAD

ABSTRAK

Emas merupakan logam yang bernilai dan dikenali oleh orang ramai. Emas juga merupakan salah satu barangan ribawi. Islam menggariskan syarat-syarat yang harus dipatuhi apabila melakukan transaksi jual beli emas. Pada masa kini emas dijadikan produk syarikat yang menjalan sistem pemasaran berbilang tingkat atau Multi-Level Marketing (MLM). Isu yang timbul sejauh mana transaksi jual beli emas melalui pemasaran berbilang tingkat memenuhi tuntutan syarak atau sebaliknya. Satu tinjauan literatur dilakukan bagi meneliti kajian lepas yang menyentuh transaksi jual beli emas melalui pemasaran berbilang tingkat dalam Islam. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk menyoroti kajian lepas berkaitan transaksi jual beli emas melalui pemasaran berbilang tingkat dalam Islam. Analisis literatur dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana transaksi jual beli emas melalui pemasaran berbilang tingkat seiring dengan tuntutan syarak. Hasil sorotan literatur ini mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan transaksi jual beli emas melalui pemasaran berbilang tingkat bercanggah dengan tuntutan syarak seperti serah terima (taqabud) pembayaran wang dan penerimaan emas tidak berlaku dalam satu masa, wang wadi'ah digunakan oleh penjual tanpa kebenaran atau pembeli menetapkan syarat pinjaman wang wadi'ah yang boleh membawa kepada riba', konsep lock price menjanjikan berlakunya urus niaga pada masa hadapan dan juga penjual menjual emas yang belum dimilikinya. Implikasinya satu kajian perlu dilakukan berkaitan dengan transaksi emas dalam MLM menurut pandangan Islam.

Kata kunci: Emas, Jual Beli, Pemasaran Berbilang Tingkat, Barangan Ribawi.

ABSTRACT

Gold is included in the category of valuable and well known metal among society. It is also one of ribawi items. Islam has enumerated conditions that has to be obeyed while dealing with the transaction of buying and selling gold. Currently, gold is regarded as one of the company's product through marketing system in Multi-Level Marketing (MLM). The issue that arise is to what extent is the transaction of buying and selling of gold through Multi-Level Marketing (MLM) system is operated according to the Sharia guideline or vice versa. A literature review is conducted in order to analyse previous studies done related to the transaction of buying and selling gold through multi-level marketing in Islam. Thus, this article aims to study previous research related to the transaction of buying and selling gold through MLM in Islam. A literature review was made to identify to what extent is the buying and selling of gold through MLM has been conducted according to Islamic law. The results of this literature discovers that there are several factors that cause the buying and selling of gold transaction through MLM to contradict with the Sharia requirements, such as handover and acceptance (taqabud) of the payment of money and the receipt of gold were not completed at the same time, wadi'ah money is used by the seller without the buyer's consent or the buyer setting up conditions upon the wadi'ah money loan that might lead to usury, the concept of locking price that promises on the transaction will be completed in future and seller is selling the gold that does not belong to him yet.

Keywords: Gold, Selling And Buying, Multi-Level Marketing, Ribawi Item.

PENGENALAN

Multi-Level Marketing (MLM) atau Pemasaran Berbilang Tingkat merupakan sistem pemasaran di mana individu yang dilantik oleh syarikat sebagai ahli atau pengedar produk. Ahli atau pengedar produk syarikat ini akan diberikan kuasa bagi melantik individu yang lain. Perkara ini dilakukan secara berterusan. Kemudian, kumpulan individu-individu membentuk rangkaian bagi menjual produk syarikat. Individu di bawah dalam rangkaian ini dikenali sebagai *downline* dan individu di atas dikenali sebagai *upline*. Individu-individu ini memperoleh pendapatan komisen, bonus dan insentif daripada jualan peribadi dan *over-riding* bonus dari jualan ahli atau pengedar di bawahnya (KPKDNKK 1993). Banyak syarikat lebih menyukai sistem pemasaran ini dari sistem pemasaran jualan langsung konvensional. Ini kerana sistem pemasaran ini merupakan satu sistem yang strategik bagi tujuan mengurangkan kos pengedaran, pemasaran, promosi dan latihan pekerja (Siti Nurul Ain & Najib Mohamed 2012). Kebiasannya produk yang dijual melalui sistem pemasaran MLM melibatkan produk kesihatan, alat kosmetik dan sebagainya selain daripada emas.

Syarikat MLM semakin berkembang dan mendapat tempat di Malaysia. Laporan tahunan Persekutuan Antarabangsa Persatuan-Persatuan Jualan Langsung atau *World Federation of Direct Selling Associations* (WFDSA) menyatakan bahawa Malaysia adalah di antara 10 buah negara tersenarai dalam 10 yang tertinggi dunia dengan kiraan 80 peratus jualan sedunia (World Federation of Selling Associations 2016). Tambahan lagi, sebanyak 5524 buah syarikat MLM di Malaysia telah berdaftar dan mempunyai lesen jualan langsung yang sah bermula dari tahun 2000 hingga tahun 2015 (MLM Smart Resources Sdn. Bhd. 2016). Syarikat MLM tidak terhad kepada golongan pekerja sahaja. Malah, ia juga telah melibatkan golongan pelajar.

Satu kajian telah dilakukan bahawa terdapat sebahagian pelajar dari universiti yang menjadi agen MLM (Husin dan Nurul Nadia 2010). Berikutan luas dan banyaknya pengamalan MLM di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuat satu garis panduan peniagaan jualan langsung secara MLM menurut Syari'ah. Garis panduan ini telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 95 pada 16 hingga 18 Jun 2011. Garis panduan ini ada menegaskan bahawa produk MLM tidak boleh terdiri dari barangan *ribawi* seperti emas (JAKIM 2013). Ini kerana bagi mengelakkan penindasan berlaku akibat dari berlakunya perubahan nilai emas.

Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini didapati syarikat MLM di Malaysia telah menjadikan emas sebagai produk syarikat. Hal ini mempunyai beberapa isu pada emas disebabkan emas termasuk dalam kategori barangan *ribawi* dan perlu mematuhi syarat-syarat barangan *ribawi* itu sendiri.

Perbincangan awal artikel ini adalah berkenaan tentang bentuk-bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM di Malaysia yang bercanggahan dengan syari'ah. Seterusnya akan dihuraikan bentuk-bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM yang mematuhi syari'ah. Huraian lanjut akan menyentuh analisis tinjauan literatur terhadap bentuk-

bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM yang bercanggahan dan juga yang mematuhi syari'ah.

TINJAUAN LITERATUR

Emas di dalam bahasa arab disebut *al-zahb* yang bermaksud kecantikan dan keelokan (Ibnu Faris 1970). Emas merupakan logam yang diciptakan oleh Allah SWT. Menurut Engku Muhammad Tajuddin et al. (2015), emas membahaskan berkenaan tentang sifat manusia yang suka kepada emas, melambangkan kedudukan seseorang dalam masyarakat dan ujian yang diberikan kepada manusia oleh Allah SWT. Selain itu, emas juga diguna pakai sebagai mata wang yang dikenali sebagai dinar emas dalam jual beli dan peniagaan (YaPEIM 2014). Oleh itu, emas yang terkait dalam artikel ini adalah emas yang berupa emas fizikal sama ada berbentuk dinar, emas bar atau sebagainya dan juga barangan emas perhiasan.

Emas sebagai alat pertukaran dan nilai ukur barang telah lama digunakan sejak dahulu lagi. Menurut Sanep Ahmad dan Salmy Edawati (2012), dinar emas mula digunakan sebagai mata wang sejak kerajaan Rom dan Parsi lagi. Dinar emas sebagai mekanisme pertukaran mata wang ini termasuk dalam kategori barangan *ribawi*. Lantaran itu, segala syarat barangan *ribawi* harus dipenuhi (Salmy Edawati, Sanep Ahmad dan Wan Kamal Mujani 2015). Pada masa kini, emas tidak terhad kepada jual beli konvensional, malah emas telah menjadi produk jual beli melalui MLM.

Pemasaran berbilang tingkat atau *multi-level marketing* (MLM) merupakan satu sistem pemasaran yang baru. Menurut Siti Nurul Ain dan Najib (2012), MLM berasal dari perkembangan aktiviti jualan langsung. Justeru itu, MLM perlu dikaji dan dipantau dari kaca mata Islam. Satu kajian telah dilakukan oleh Yusni Ahmad dan Mat Noor (2011) terhadap MLM dalam Islam yang menyatakan bahawa pendapatan diperolehi dari MLM mestilah berasaskan konsep *hibah*, *ijarah* dan *ju'alah* serta pemberian bonus berdasarkan jualan. Tambahan lagi, syarikat MLM tidak boleh menjadikan emas sebagai produk jualan. Perkara ini telah termaktub di dalam satu garis panduan peniagaan jualan langsung secara pemasaran berbilang tingkat (*multi-level marketing*) menurut Syari'ah (JAKIM 2013). Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti sama ada transaksi jual beli emas memenuhi kehendak syarak, maka perlu diteliti bentuk-bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM di Malaysia yang bercanggah dengan syari'ah dan bentuk-bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM yang mematuhi Syari'ah.

BENTUK-BENTUK TRANSAKSI JUAL BELI EMAS MELALUI MLM YANG PATUH SYARI'AH

Pihak-pihak yang ingin melakukan transaksi jual beli emas melalui MLM perlu mengetahui syarat-syarat bertransaksi dengan barangan *ribawi* dan kaedah-kaedah *uruf* dalam masyarakat. Penangguhan emas atau bayaran yang berlaku menyebabkan berlakunya *riba*. Kebiasaannya *riba* berkaitan dengan pertukaran emas dan mata wang dikenali sebagai *riba al-buyu'*. Menurut Zaharuddin Abd Rahman (2010), *riba* jenis ini terbahagi kepada dua jenis iaitu disebabkan penambahan (*riba' al-fadl*) dan disebabkan

penanggungan (*riba al-nasi'ah*). Jadual di bawah menjelaskan ringkasan *riba al-buyu'* yang berkaitan emas dan mata wang:

Syarat-Syarat Pertukaran Antara Emas, Perak dan Wang

Jenis		Mata Wang		
		Emas	Perak	RM
Mata Wang	Emas			
	Perak			
	RM			



1. Serah terima dalam satu masa
2. Sama berat dan kuantiti
3. Tidak boleh berlaku penanggungan



1. Serah terima dalam satu masa
2. Boleh berlaku penambahan
3. Tidak boleh berlaku penanggungan

Seterusnya, terdapat tiga kaedah bagi mengatasi isu *taqabud* dalam jual beli emas secara pos atau bertangguh. Pertama, pembeli menandatangani bayaran wang belian ke dalam akaun penjual sebagai *wadi'ah yad dhamanah*. Kemudian, '*aqd ijab dan qabul*' dilaksanakan selepas pembeli menerima emas melalui telefon. Risiko kehilangan emas ditanggung oleh penjual sehingga '*aqd*' berlaku.

Kedua, pembeli menandatangani bayaran wang belian ke dalam akaun penjual sebagai *wadi'ah yad dhamanah* dan pembeli mewakili kepada orang lain untuk melakukan '*aqd*' dengan penjual. Kemudian, emas akan diposkan. Risiko kehilangan barang emas ditanggung oleh pembeli sebaik sahaja '*aqd*' berlaku antara penjual dan orang yang mewakili pembeli.

Ketiga, pembeli menandatangani bayaran wang belian ke dalam akaun penjual sebagai *wadi'ah yad dhamanah* dan penjual mengeluarkan resit rasmi berserta berat dan nombor siri jongkong emas secara serta-merta melalui dalam talian. Oleh yang demikian, pembeli dianggap telah melakukan *qabd* secara *hukmi*. Seterusnya, emas diposkan. Risiko kehilangan ditanggung oleh pembeli (Ahmad Sufian dan Mohammad Badruzzaman 2015). Kaedah *qabd hukmi*, iaitu mestilah disertakan dengan bukti pengalihan milikan.

Perpindahan milikan yang berlaku mestilah perpindahan sepenuhnya beserta risiko. Menurut Majma al-Fiqh al-Islam (1990) *qabd hukmi* yang berlaku mestilah memindahkan pemilikan secara penuh kepada pembeli walaupun pemilikan tersebut secara fizikal tidak berlaku dan pembeli belum menerima barang secara fizikal. Tambahan lagi, menurut Mohd Bahroddin (2015), perpindahan milikan secara penuh menunjukkan perpindahan tanggungjawab. Ini dapat dibuktikan sekiranya berlakunya risiko seperti kehilangan, maka kerugian ditanggung oleh pembeli walaupun fizikal barang tersebut tidak berada pada pembeli. Tanggungan kerugian ini bermula ketika '*aqd*' dilakukan.

Walau bagaimanapun, menurut Mohd Noor Azman (2014), kaedah yang paling sesuai dan fleksibel diaplikasikan bagi mengelakkan *riba al-nasi'ah* adalah dengan menggunakan '*aqd al-wakalah*'. Pembeli mewakili orang yang berdekatan dengan

penjual seperti suami atau isterinya dan lain-lain. Seterusnya, pembeli perlu memasukkan wang terlebih dahulu ke dalam akaun khas (akaun amanah) sebagai '*aqd al-wadi'ah*', penjual boleh melakukan '*aqd*' dengan wakil yang dilantik. Kemudian, emas boleh diserahkan oleh wakil kepada pembeli mengikut cara dan masa yang dikehendakinya (Lokmanulhakim et al. 2012). Bagi melaksanakan kaedah *wakalah* ini, pembeli perlu menandatangani wang ke dalam akaun penjual sebagai wang *wadi'ah*.

Penjual tidak boleh menggunakan wang *wadi'ah* tanpa izin pembeli. Menurut Muhammad al-Khathib al-Sharbini (1997) menyatakan bahawa asal *wadi'ah* adalah menyimpan sesuatu pada seseorang yang lain. Pemilik barang tersebut menganggap barangnya selamat apabila meminta orang lain menyimpan barangnya. Selain itu, *wadi'ah* merupakan satu keperluan. Menurut, Wahbah al-Zuhailiy (2004), *jumhur* ulama' berpendapat '*aqd al-wadi'ah*' dapat diguna pakai sebagai satu keperluan dalam keadaan darurat. Oleh itu, penjual diberikan kepercayaan dan jaminan bahawa wang *wadi'ah* di dalam akaunnya tidak digunakan.

Sekiranya penjual mendapat izin dari pembeli untuk menggunakan wang *wadi'ah* terlebih dahulu, maka '*aqd al-wadi'ah*' bertukar kepada '*aqd*' pinjaman (*qard*). Pembeli tidak boleh menetapkan syarat atau manfaat bagi keizinannya untuk penjual meminjam wang *wadi'ah* tersebut. Ini bersesuaian dengan pendapat ulama' *Shafiiyyah* yang dinukilkan oleh Wahbah al-Zuhailiy (2004) yang berkaitan tentang larangan pinjaman disatukan dengan jual beli yang boleh mendatangkan manfaat akibat pinjaman tersebut. Setelah wang didepositkan ke dalam akaun penjual, maka pembeli dan penjual membuat kata sepakat untuk *lock price* emas tersebut. *Lock price* merupakan satu kaedah bagi pembeli menetapkan harga emas semasa pembeli membuat tempahan. Kaedah ini dilakukan melalui pembayaran yang dilakukan oleh pembeli dengan jumlah tertentu (JAKIM 2017).

Bagi pihak yang ingin menggunakan kaedah *lock price*, berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Marjan Muhammad, Hakimah Yaacob dan Shabana Hasan (2011), kaedah *lock price* dalam Islam adalah perjanjian sebelah pihak (*wa'd*) yang melakukan jual beli pada masa hadapan dan pihak yang berjanji boleh membatalkannya. Ini bermakna perjanjian tersebut tidak saling mengikat. Di dalam parameter jual beli emas dari JAKIM (2011), aplikasi *wa'd* dalam jual beli emas mestilah bukan janji kedua-dua belah pihak (*muwa'adah*). Kesannya adalah transaksi tersebut mengandungi unsur mengikat (*binding*) (Mohd Noor Azman 2014). Oleh itu, menurut Aznan (2008), *wa'd* yang boleh dan tepat untuk diguna pakai semasa *lock price*, iaitu mestilah *wa'd* yang bersifat *wa'dan* iaitu dua janji (*unilateral promise*) dari satu pihak ke pihak lain dan sebaliknya yang mana janji itu tidak saling berkaitan dan pelaksanaan adalah dua syarat yang berbeza. Oleh yang demikian, urusan niaga tersebut tidak bersifat mesti berlaku pada masa hadapan.

Berdasarkan konsep *wa'dan*, pihak penjual dan pembeli mempunyai janji masing-masing. Namun, janji tersebut berlainan antara satu sama lain dan tidak mengikat kedua-duanya. *Wa'd* bagi penjual adalah apabila pembeli membatalkan tempahan pembelian. Seterusnya *wa'd* bagi pembeli pula berupa lindung nilai risiko akibat perubahan harga. *Wa'd* yang digunakan tidak bersifat mengikat. Justeru itu, pembeli boleh membatalkan tempahan pada bila-bila masa dan penjual mestilah mengembalikan duit tempahan sepenuhnya. Selain itu, tempahan tidak terikat dengan syarat, penalti atau denda.

Sebaliknya sekiranya penjual mengalami kerugian akibat pembatalan tersebut, maka penjual hanya boleh menuntut kerugian yang disebabkan pembatalan tempahan sahaja. Oleh itu, penjual perlu mengeluarkan resit jualan dengan menyatakan ciri-ciri emas yang lengkap dan jumlah bayaran penuh bagi menunjukkan *taqabud hukmi* telah berlaku. Manakala pembeli mesti melakukan pembayaran penuh semasa tempahan dilakukan dan *khiyar* yang diisyaratkan tidak dibolehkan. Ini kerana *khiyar* seperti ini akan membawa kesan lanjutan bahawa wujudnya kontrak atau *'aqd*, maka berlakulah transaksi emas yang bertanggung. Tambahan lagi, *lock price* melalui kaedah *wa'd* hanya diharuskan apabila terdapat keperluan yang umum (*hajah 'ammah*) seperti perdagangan import dan eksport (Muhammad Zuhaili 2015). Seterusnya, penjual tidak boleh melakukan urusan jual beli sekiranya tidak memiliki barang jualan tersebut.

Penjual mestilah memiliki barang sebelum melakukan *'aqd* jual beli. Hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Umar: “Tidak boleh jual beli barang yang belum dimiliki” menerangkan bahawa Rasulullah SAW melarang jual beli tersebut yang boleh mengakibatkan *'aqd* tersebut menjadi batal di sisi ulama' *Shafi'iyah* (Abdul Rahman al-Jaziri 2003). Oleh yang demikian, menurut Ahmad Abdurrazaq (2009), mengatakan bahawa memiliki milikan penuh dan barang berada di dalam kekuasaan penjual merupakan antara syarat sahnya jual beli. Sekiranya syarat ini tidak ada, maka jual beli tersebut dianggap batal. Tambahan pula, penjual mesti menitik beratkan di mana emas itu berada.

Barang jualan mestilah sesuatu yang mudah didapati dari syarikat pembekal emas. Jika barang tersebut sukar didapatkan dalam masa yang sama penjual telah pun mengambil wang bayaran pembeli sebagai wang *wadi'ah*, maka telah wujud salah satu unsur elemen *gharar* dalam jual beli (Zaharuddin Abd Rahman 2009; Wahbah Zuhaili 2004). Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab bagi pihak penjual untuk memastikan terlebih dahulu prestasi sesebuah syarikat pembekal emas sebelum mendaftarkan sebagai agen atau stokis.

Oleh yang demikian, satu jawatan penasihat syari'ah harus ditubuhkan oleh syarikat MLM (JAKIM 2013) yang menjalankan perniagaan jual beli emas. Perkara ini bertujuan membolehkan syarikat MLM bersama-sama penasihat syari'ah bagi membina satu *Standard Operation Procedure* (SOP) berkaitan MLM dan emas yang benar-benar mengikut kehendak *syarak*.

BENTUK-BENTUK TRANSAKSI JUAL BELI EMAS MELALUI MLM YANG BERLANGKAH DENGAN SYARI'AH

Umumnya, transaksi jual beli emas telah dibahaskan oleh sarjana Islam silam. Pada zaman ini kedua-dua transaksi ini telah digabungkan menjadi satu bagi tujuan mengurangkan kos pengedaran, pemasaran, kos promosi dan kos latihan pekerja (Siti Nurul Ain & Najib Mohamed 2012). Bukan itu sahaja, MLM juga membolehkan syarikat mengaut keuntungan yang banyak dalam masa yang singkat. Menurut Randal (2015) mengatakan bahawa sistem MLM membolehkan seseorang itu memperolehi keuntungan yang besar. Ini kerana rangkaian atau *networking* dapat berkembang dengan cepat. Pada

dasarnya hukum pertukaran atau jual beli emas telah disebut di dalam hadith Rasulullah SAW mengenai larangan jual beli emas secara bertangguh.

Menurut Muslim al-Hajaj (1991) di dalam *Sahih Muslim*, kitab *Musaqah*, bab *al-Sarf wa Bay' al-Dhahb bi al-Waraq Naqdan*, jilid 5, hadith nombor 1587, emas termasuk dalam kategori barangan *ribawi*. Ini adalah berdasarkan hadith *Sahih* yang diriwayatkan oleh Ubadah al-Samit:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالذَّهَبِ وَالذَّهَبِ بِالْفِضَّةِ وَالْفِضَّةُ بِالْبُرِّ وَالْبُرُّ بِالشَّعِيرِ وَالشَّعِيرُ بِالتَّمْرِ بِالتَّمْرِ
وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا أَحْبَبْتَ تَلَفْتَ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيَبْعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا
بِيَدٍ

Maksudnya: Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam (ditukarkan) sesama jenis, pada kadar yang sama, secara tunai (spot), sekiranya berlainan jenis, maka jual belilah sesuka hatimu selama mana ia adalah pertukaran tunai.

Ulama' fiqh berpandangan bahawa *riba* boleh berlaku pada enam barang iaitu dua barang emas dan perak yang berupa nilai wang dan empat lagi barang gandum, barli, kurma, dan garam yang berupa jenis makanan (Wahbah al-Zuhailiy (2011). Pernyataan ini telah membuktikan sifat barangan *ribawi* melekat pada emas yang mana *illahnya* nilai harga. Menurut al-Nawawiy (t.th.), pertukaran yang melibatkan jenis yang sama seperti pertukaran emas dengan emas, maka tidak boleh berlaku penambahan, penangguhan dan berpisah sebelum serah terima *ijab* dan *qabul*. Manakala, pertukaran yang melibatkan jenis berbeza seperti pertukaran emas dengan mata wang, maka boleh berlaku penambahan, tidak boleh bertangguh dan tidak boleh berpisah sebelum serah terima atau *ijab* dan *qabul*.

Berdasarkan hadith dan kata-kata dari al-Nawawiy, dapat difahami bahawa dua syarat yang perlu dipatuhi sekiranya berlaku penukaran antara emas dengan mata wang. Pertama, kedua-dua pihak penjual dan pembeli tidak boleh berpisah dalam satu majlis 'aqd. Kedua, serah terima atau *ijab qabul* antara pihak penjual dan pembeli tidak boleh berlaku penangguhan. Bagi mengetahui hukum jual beli emas melalui MLM, terlebih dahulu perlu mengetahui hukum jual beli dalam Islam.

Hukum asal jual beli dalam Islam adalah harus. Allah SWT berfirman:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”(al-Baqarah 275).

Ayat tersebut menerangkan bahawa pada asalnya jual beli diharuskan dalam *mu'amalah* Islam. Ini menunjukkan bahawa jual beli emas diharuskan dalam Islam.

Selain itu, keharusan jual beli juga diterangkan melalui kaedah *fiqh*. Menurut al-Sayuti (1983), terdapat satu kaedah *fiqh* dalam *mu'amalah* menyatakan:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: Hukum asal dalam sesuatu (mu'amalah) adalah harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya.

Kaedah fiqh di atas menjelaskan bahawa hukum secara umum jual beli dibolehkan sehingga terdapat dalil lain yang jelas melarangnya, maka keharusan tersebut bertukar menjadi hukum haram.

Hadith yang diriwayatkan 'Ubadah bin al-Samit jelas menyatakan emas merupakan barangan *ribawi* dan mesti mengikuti syarat-syaratnya agar transaksi emas tersebut tidak terjatuh ke dalam *riba*. Transaksi jual beli emas melalui MLM menimbulkan beberapa isu dari sudut syarak. Ini terjadi berikutan kebiasaannya transaksi jual beli melalui MLM akan berlaku penangguhan. Sebaliknya, pertukaran emas dan mata wang tidak boleh berlaku sebarang penangguhan serah terima atau *ijab qabul* dan kedua-dua pihak antara penjual dan pembeli tidak boleh berpisah dalam satu majlis 'aqd. Sekiranya emas dijadikan produk MLM, maka perlu diperhalusi isu-isu yang menjadi faktor transaksi jual beli emas melalui MLM bercanggahan dengan syari'ah.

Setelah diteliti bentuk-bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM yang patuh syari'ah, maka perlu juga diteliti bagaimana pula transaksi jual beli emas melalui MLM yang bercanggah syari'ah.

Isu-isu yang menyebabkan transaksi jual beli emas melalui MLM bercanggah dengan Syari'ah:

1. *Taqabud*

Taqabud bermaksud serah terima. *Taqabud fi al-majlis* atau serah terima dalam satu masa merupakan antara syarat yang perlu dipenuhi apabila transaksi jual beli emas dilakukan. Ini bererti sebarang penangguhan sama ada penyerahan emas atau pembayaran wang. Menurut Muslim al-Hajaj (1991) di dalam *Sahih Muslim*, kitab *Musaqah*, bab *al-Sarf wa Bay al-Zahb bi al-Waraq Naqdan*, jilid 5, hadith nombor 1586, hadith yang diriwayatkan oleh Malik Bin Aus:

عَنْ مَالِكِ بْنِ أَوْسِ بْنِ الْحَدَثَانَ أَنَّهُ قَالَ أَقْبَلْتُ أَقُولُ مَنْ يَصْطَرِفُ الدَّرَاهِمَ؟ فَقَالَ طَلْحَةُ بْنُ عُبَيْدٍ اللَّهُ (وَهُوَ عِنْدَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ) أَرَأَيْتَ دَهَبَكَ ثُمَّ اتَيْنَا إِذَا جَاءَ خَادِمُنَا نُعْطِكَ وَرَقَكَ فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ كَلَّا وَاللَّهِ لَتُعْطِيَنَّهُ وَرَقَهُ أَوْ لَتُرَدَّنَّ إِلَيْهِ دَهَبُهُ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْوَرِقُ بِالذَّهَبِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ

Maksudnya: Dari Malik Bin Aus Bin Hadathān bahawa dia berkata: Suatu ketika aku pernah datang dan kemudian berkata: “siapakah di antara kamu yang mahu yang ingin menukar dirham? Makan Ṭhalhah Bin ‘Ubaidillah (beliau berada di samping ‘Umar Bin al-Khattāb) berkata: Bawa ke sini emasmu, lalu kami datang. Jika pembantu kami telah datang, kami akan memberimu perak. Maka Umar Bin al-Khattāb berkata: Jangan sekali-kali melakukan demikian. Demi Allah kamu harus segera memberinya perak atau kembalikan emasnya. Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Perak dengan emas (pertukaran) itu *riba*, kecuali (jika mereka berkata) “nah ambil ini” dan (seorang lagi berkata) “nah ambil ini”...

Hadith di atas menerangkan bahawa pertukaran perak dengan emas mestilah tidak berlaku penangguhan. Cara penukarannya mestilah “nah ambil ini” dan “nah ambil ini”

yang membawa maksud penukaran dengan serta-merta dan serentak. Kebanyakan pertukaran emas yang berlaku pada masa kini melibatkan penukaran dengan wang fiat.

Transaksi jual beli emas adalah pertukaran antara wang fiat dan emas. Wang fiat adalah wang kertas yang digunakan untuk mewakili nilai dalam pertukaran barang atau urusan niaga (Mohd Nazri 2011). Pihak pembeli akan membuat pembayaran harga emas yang berupa mata wang dan pihak penjual akan menyerahkan barang belian yang berupa emas. Wang fiat tergolong dalam barangan *ribawi* yang telah diqiaskan dengan emas. Menurut Majma' al-Fiqh al-Islamiy (2009), sifat mata wang melekat padanya sifat barangan *ribawi*. Ini kerana 'illah wang fiat atau mata wang adalah nilai harga. 'Illah mata wang ini adalah sama dengan 'illah emas dan perak iaitu nilai harga. Justeru itu, wang fiat mestilah mematuhi segala syarat penukaran barangan *ribawi*. Menurut Mohd Noor Azman (2014), sekiranya pertukaran barangan *ribawi* yang berasal dari 'illah yang sama, namun jenisnya berlainan, maka syarat yang mesti diikuti iaitu tidak boleh berlaku penangguhan. Penyerahan mata wang dan emas mestilah di dalam satu majlis 'aqd. Kedua-dua pihak penjual dan pembeli tidak boleh berpisah sebelum kedua-dua pihak berkad dalam satu majlis yang sama.

Tambahan lagi, JAKIM (2011) telah menegaskan bahawa ulama' berbeza pandangan mengenai tempoh kelewatan kurang daripada tiga hari penyerahan emas. Kelewatan ini bukanlah satu 'urf bagi masyarakat Malaysia. 'Urf pertukaran emas di Malaysia adalah serta-merta yang diamalkan di kedai-kedai emas. Manakala *uruf* bagi jual beli emas melalui MLM adalah tiada. Ini disebabkan oleh MLM itu sendiri adalah bentuk pemasaran yang baru. Begitu juga dengan ahli atau stokis syarikat MLM yang menghantar emas secara pos kepada pembeli. Ini adalah cara penghantaran emas yang baru. Tambahan pula, kebiasaannya produk syarikat MLM adalah barangan kosmetik dan kesihatan bukannya emas. 'Urf yang tidak diamalkan di sesuatu tempat, maka ia tidak boleh dijadikan hukum. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2006) ada menyatakan bahawa 'urf boleh dijadikan asas dan panduan dalam sesuatu urusan niaga mengenai status qabadnya. 'Urf yang dinyatakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ini adalah 'urf muamalat berkaitan dengan barangan *ribawi* iaitu wang fiat. Oleh itu, emas juga merupakan antara barangan *ribawi*. Ini menjelaskan bahawa apabila jual beli emas berlaku, maka syarat yang perlu diikuti adalah tiada penangguhan dalam penyerahan sama ada penyerahan pembayaran dari pihak pembeli atau penyerahan barangan emas dan transaksi mestilah dilakukan sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis 'aqd.

Namun, sekiranya berlakunya penangguhan penyerahan emas atau penyerahan pembayaran akan menyebabkan terjadinya *riba' al-nasi'ah*. Ini bertentangan dengan tuntutan syarak. Realiti yang berlaku dalam jual beli emas semasa, apabila berlaku jual beli emas melalui MLM, pembeli akan membayar dahulu harga emas dan kemudian emas diserahkan kepada pembeli melalui pos.

2. 'Aqd al-Wadi'ah

Dalam jual beli emas melalui MLM, pembeli membuat penyerahan bayaran terlebih dahulu kepada penjual. Kemudian, penjual menyimpan wang bayaran tersebut sebagai amanah (*wadi'ah*). Tanpa izin pembeli, wang *wadi'ah* tersebut tidak boleh digunakan terlebih dahulu. Penjual tidak boleh menggunakan wang yang diamanahkan untuk

membeli emas yang ditempah. Ini disebabkan asal *'aqd al-wadi'ah* adalah berasaskan *yad amanah* (Wahbah al-Zuhailiy 2004). *Yad amanah* ini tidak diiringi dengan *dhaman* jaminan (*daman*). Sekiranya penjual menggunakan wang *wadi'ah* terlebih dahulu, maka *'aqd al-wadi'ah* bertukar kepada simpanan berserta dengan jaminan (*'aqd yad bi daman*). Garis panduan ini selaras dengan pendapat pakar *fiqh*. Menurut Wahbah al-Zuhailiy (2011), apabila penjaga barang amanah memanfaatkan barang yang diamanahkan, maka *'aqd al-wadi'ah* tersebut mesti disertakan dengan jaminan. Perkara ini secara tidak langsung akan menukar status penjual dan pembeli. Kesannya, penjual berhutang kepada pembeli akibat dari wang *wadi'ah* yang digunakan terlebih dahulu (Mohd Noor Azman 2014). Seterusnya, *'aqd* yang asal juga turut bertukar. *'Aqd al-wadi'ah yad amanah* akan hilang dan sifatnya yang asal dan penjaga wang amanah terbatal. Penjaga amanah harus menggantikan wang amanah yang telah digunakan (Wahbah al-Zuhailiy 2004). Tambahan pula, Bank Negara Malaysia (2010) menyatakan hukum *wadi'ah yad bi daman* yang melibatkan wang adalah mengambil hukum pinjaman atau *qard* dari sudut garis panduan dan kesan lanjutannya. Jual beli yang diiringi dengan pinjaman adalah dilarang dalam Islam.

Menurut Abu Daud (2009) di dalam *Sunan Abi Daud*, kitab *Ijarah*, bab *fi Rijal ma Yabi' Lays 'indah*, jilid 5, hadith nombor 3503, hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Umar:

لَا يَحِلُّ سَلْفٌ وَيَبِيعُ وَلَا شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ وَلَا رَيْحٌ مَا لَمْ تَضْمَنْ وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ

Maksudnya: Tidak halal menggabungkan hutang dan jual beli, tidak pula dua syarat dalam satu jual beli, tidak pula keuntungan tanpa risiko, dan tidak boleh jual beli barang yang tidak dimiliki.

Hadith di atas menjelaskan Rasulullah SAW telah melarang pinjaman atau *'aqd qard* dan *'aqd* jual beli disatukan. Menurut Abi Isa Muhammad (1998) menghuraikan maksud larangan disatukan *'aqd al-qard* dan *'aqd* jual beli adalah apabila seseorang itu memberi hutang kepada orang lain. Kemudian, sampai masa dia ingin menuntut semula hutangnya, namun orang yang mengambil hutang tidak mampu melangsaikannya, maka pemberi hutang itu menambah syarat supaya orang yang mengambil hutang menjual barangnya.

Oleh itu, sekiranya penjual menggunakan wang *wadi'ah* terlebih dahulu, pembeli tidak boleh mensyaratkan manfaat seperti meletakkan syarat penjual mesti menjual dengan harga diskaun, penjual harus menjual barang lain dan sebagainya. Situasi seumpama ini memberi peluang kepada pembeli untuk mendapatkan apa-apa manfaat bagi dirinya. Menurut Wahbah al-Zuhailiy (2004), pembeli berpeluang memanipulasikan harga belian. Ini bermaksud pembeli mendapat manfaat dengan mengawal harga mengikut kehendaknya.

Pembeli mendapatkan keuntungan melalui pinjaman. Menurut Wahbah al-Zuhailiy (2004), *qard* yang mendatangkan keuntungan adalah tidak diperbolehkan, sekiranya keuntungan itu disyaratkan berdasarkan pendapat ulama' *Shafiiyyah*. Perkara ini menjelaskan bahawa sekiranya pembeli memperolehi sebarang manfaat berikutan penetapan syarat di awal pinjaman kepada penjual atau penerima hutang.

Semasa wang *wadi'ah* diserahkan melalui deposit ke dalam akaun penjual, penjual dan pembeli mengambil kata sepakat untuk mengunci harga (*lock price*) emas yang ingin dibeli oleh pembeli. Perkara yang berlaku dalam syarikat MLM adalah agen atau stokis mengambil dahulu wang dari pembeli dengan harga runcit emas atau harga bukan ahli. Kemudian, wang tersebut dijadikan modal oleh penjual untuk membeli emas dari syarikat sama ada dengan harga borong atau harga ahli demi mengaut keuntungan jualan.

3. *Lock price*

Di dalam jual beli emas melalui MLM, pembeli akan membuat tempahan emas dahulu dengan memberitahu penjual jenis dan berat emas yang ingin dibeli berserta dengan harganya. Ini kerana harga emas sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa dan boleh mengakibatkan keuntungan atau kerugian sama ada di pihak pembeli penjual atau kedua-duanya sekali. Bagi mengelakkan kerugian ini, maka pembeli membuat tempahan emas terlebih dahulu melalui kaedah *lock price*. Lokmanulhakim et al. (2012) menjelaskan, pembeli akan membuat *purchase order* yang dianggap sebagai *wa'd* dengan harga yang dipersetujui kedua-dua pihak. *Wa'd* ini merupakan janji yang telah disepakati.

Penjual atau pembeli tidak boleh memegang janji suatu kemestian jual beli akan berlaku. Tambahan lagi, mereka juga tidak boleh mengenakan syarat sebagai pembayaran semula kerugian. Perjanjian ini tidak boleh bersifat janji sebelah pihak (*wa'd*) atau *unilateral promise*. Sekiranya ini berlaku, maka pihak pembeli boleh memanipulasikan harga emas mengikut kehendaknya. Perjanjian juga tidak boleh kedua-dua belah pihak saling berjanji antara satu sama lain (*muwa'adah*) atau *mutual promise* dalam perkara yang sama. Menurut Md Faruk dan Asmak (2015), janji seperti ini menimbulkan kesan terbinanya kontrak atau *'aqd*. Apabila *'aqd* telah wujud, maka jual beli telah berlaku. Oleh itu, *lock price* tidak boleh dilakukan pada ketika itu. Sekiranya *lock price* tetap dilakukan, kesannya terjadi jual beli emas secara bertanggung. Selain itu, syarat yang ditetapkan penjual mempunyai unsur *muwa'adah*.

Penjual tidak boleh mengikat sebarang syarat pada pembeli. Penjual tidak boleh meletakkan syarat denda disebabkan pembeli membuat pembatalan tempahan (Muhammad Zuhaili 2015). Syarat yang telah ditetapkan mengikat kedua-dua belah pihak. Perkara ini terbukti telah wujud perjanjian kedua belah pihak yang mengikat. Maka, *'aqd* telah wujud dan seterusnya mengakibatkan berlakunya jual beli emas bertanggung secara MLM. Seterusnya, sebelum pembeli membuat pembayaran wang dan *lock price*, penjual mestilah sudah memiliki emas tersebut. Di dalam MLM, di awal urus niaga lagi penjual telah memberi syarat kepada pembeli sekiranya tempahan emas dibatalkan, maka pembeli akan dikenakan denda dengan jumlah tertentu. Sedangkan kerugian hanya blh dituntut ketika penjual mengalami kerugian sahaja dan jumlahnya juga sama dengan jumlah kerugian.

4. Jual emas tidak dimiliki

Dalam transaksi jual beli emas melalui MLM, penjual mestilah jujur sama ada barang emas itu ada ditangannya atau di syarikat. Kesannya menyebabkan sesuatu pihak itu menanggung risiko kehilangan atau sebagainya. Begitu juga sama ada jual beli itu dianggap sah atau sebaliknya. Jika emas berada di syarikat, maka penjual mestilah

menjelaskan di mana lokasi emas tersebut dan penjual dianggap sebagai wakil syarikat. Seterusnya, emas tersebut akan dihantar secara pos oleh syarikat. Apabila berlaku kehilangan maka syarikat yang harus bertanggungjawab. Sebaliknya, jika penjual sudah memiliki emas tersebut, maka penjual yang akan menghantar emas secara pos dan risiko ditanggung oleh penjual.

Walau bagaimanapun, sekiranya penjual tidak memiliki emas, seterusnya penjual dan pembeli melakukan transaksi emas dengan mengeluarkan resit pembelian mengikut kaedah penyerahan emas secara hukum (*qabd hukmi*), maka Abdul Rahman al-Jaziri (2003) mengatakan bahawa berdasarkan pendapat ulama' *Shafi'iyah* transaksi jual beli emas tersebut batal. Dalilnya adalah dari sabda Rasulullah SAW, hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Umar: "Tidak boleh jual beli barang yang belum dimiliki".

Hadith di atas menjelaskan bahawa penjual tidak boleh berusus niaga apabila dia tidak menguasai milikan emas tersebut.

Jual beli barangan yang belum dimiliki dan seterusnya sukar untuk didapatkan kesan *gharar* dalam jual beli. Menurut Zaharuddin Abd Rahman (2009), menjual emas yang belum menjadi hak milik penjual dan emas tersebut sukar didapati daripada syarikat, maka jual beli emas tersebut termasuk di dalam kategori jual beli *gharar*. Jual beli *gharar* ini telah ditegaskan larangannya berdasarkan sabda Rasulullah SAW.

Ali Abi Bakr (2001) di dalam *Majma' al-Zawa'id Manba' al-Fawa'id*, kitab *al-Buyu'*, bab *Bay' al-Gharar wa ma Nuhiya 'anh.*, jilid 4, hadith nombor 6453, hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

وعن ابن عباس أن النبي نَهَى صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksudnya: Dari Ibnu 'Abbas, sesungguhnya Nabi SAW melarang dari jual beli *gharar*.

Hadith ini menerangkan bahawa transaksi jual beli emas tiada di tangan penjual, maka jual beli tersebut termasuk dalam jual beli *gharar*.

Oleh itu, antara isu yang perlu diperhatikan semasa melakukan transaksi jual beli emas melalui MLM adalah dari sudut *taqabud*, *wadi'ah*, *lock price* dan kewujudan atau kedudukan barang emas tersebut.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Analisis dilakukan berdasarkan dua sub topik, iaitu analisis terhadap bentuk-bentuk transaksi jual beli emas melalui MLM di Malaysia yang patuh syari'ah dan transaksi jual beli emas melalui MLM yang bercanggah dengan syari'ah.

a. Bentuk Transaksi Jual Beli Emas Melalui MLM Yang Patuh Syari'ah.

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, jual beli emas melalui MLM dibolehkan apabila jual beli tersebut memenuhi kriteria yang dituntut oleh syarak. Antara kriteria tersebut adalah *taqabud fi al-majlis*, *'aqd al-wadi'ah*, *lock price* dan jual emas tidak dimiliki. Masalah utama dalam jual beli emas secara MLM adalah *taqabud fi al-majlis*.

Kebiasaannya emas dihantar melalui perkhidmatan pos yang menyebabkan kelewatan dalam serah terima emas. Namun begitu, menurut Ahmad Sufyan dan Mohammad Badruzzaman (2015) masalah ini dapat diatasi dengan aplikasi kaedah '*aqd al-wadi'ah*', '*aqd al-wakalah*' dan '*qabd hukmi*'.

Kaedah '*aqd al-wadi'ah*' dapat diaplikasikan melalui *lock price*. *Lock price* yang digunapakai mestilah menerusi *wad* yang bersifat *wa'dan* (Aznan 2008; Muhammad Zuhaili 2015). Ini bermakna, pembeli akan memberikan amanah atas jagaan wangnya kepada penjual dengan cara menandatangani sejumlah wang ke dalam akaun khas penjual yang jumlahnya disepakati melalui *lock price* oleh pihak penjual dan pembeli berdasarkan janji untuk membeli tanpa syarat dan tempahan boleh dibatalkan. Sebaliknya, menurut (Muhammad Zuhaili 2015), pembeli boleh diminta untuk membayar ganti rugi berdasarkan jumlah yang tepat dari kerugian yang ditanggung oleh penjual dan emas yang dibeli secara *lock price* mestilah dalam kuantiti yang banyak. Setelah wang *wadi'ah* didepositkan, penjual mesti mengeluarkan resit yang tercatat di dalamnya ciri-ciri emas secara terperinci yang ditempah oleh pembeli. Perkara ini bertujuan untuk mengelakkan pembeli dari ditipu oleh penjual atau pembeli mendapat emas yang lain dari emas yang ditempah. Menerusi kaedah *qabd hukmi*, resit tersebut menandakan atau membuktikan bahawa emas yang berada pada penjual telah menjadi hak milik dan ditanggung risikonya oleh pembeli. Menurut Mohd Bahroddin (2015), walaupun emas tersebut tidak berada di tangan pembeli, namun kaedah *qabd hukmi* sudah mencukupi bagi melambangkan pemilikan secara penuh oleh pembeli.

Tambahan lagi, penjual seharusnya memastikan syarikat yang disertainya mudah didapati dan mampu menyediakan produk emas yang diiklankan. Selain itu, jual beli emas secara MLM seharusnya tidak mengutamakan bonus atau komisen yang disediakan oleh syarikat dalam pelan MLM itu sendiri. Ini bermaksud, jual beli tersebut mestilah pertukaran emas dan wang, bukannya pertukaran wang dan bonus atau komisen yang diperolehi dari pendaftaran ahli baru. Sekiranya perkara ini berlaku, urusan niaga tersebut tidak lagi terkait dengan urusan niaga emas, malah urusan niaga tersebut lebih menyerupai suatu skim.

b. Bentuk Transaksi Jual Beli Emas Melalui MLM Yang Bercanggah Dengan Syari'ah

Melalui kajian-kajian lepas yang dilakukan, didapati terdapatnya keraguan di dalam transaksi emas melalui MLM di Malaysia. Kebiasaan yang berlaku, penjual tidak melakukan penyerahan emas kepada pembeli secara tunai (*spot*). Malah, emas tersebut dihantar kepada pembeli menggunakan perkhidmatan pos. Perkara sedemikian telah menyebabkan berlakunya kelewatan serah terima emas. Oleh itu, terjadinya jual beli *riba*. Ini bertentangan dengan pandangan ulama' berkaitan bermu'amalah menggunakan emas (Muslim 1991; Wahbah al-Zuhaily 2011). Seterusnya, kelewatan pos tersebut dianggap satu kebiasaan. Penjual dan pembeli menganggap perkara tersebut dibolehkan. Penjual dan pembeli memegang konsep saling meredhai terhadap jual beli tersebut. Sebaliknya, perbuatan tersebut tidak benar. Ia bertentangan dengan prinsip dan garis panduan perniagaan MLM menurut syari'ah serta syarat-syarat jual beli emas (JAKIM 2011;

Suruhanhaya Sekuriti Malaysia 2006). Konsep saling meredhai dalam urus niaga merupakan sebahagian dari prinsip urus niaga Islam.

Seterusnya, demi mengaut keuntungan tanpa mengeluarkan modal, penjual menggunakan wang *wadi'ah* yang telah didepositkan ke akaunnya tanpa pengetahuan dan kebenaran pemilik wang, iaitu pembeli. Cara seperti ini adalah salah. Wang *wadi'ah* tersebut adalah wang amanah atau jagaan di atas kepercayaan pembeli pada penjual (Wahbah al-Zuhailiy 2004). Biasanya, syarikat MLM akan membahagikan harga jualan mengikut kategori ahli dan bukan ahli. Pada masa ini, jika pembeli meminta penjual menjual emas dengan harga ahli, sedangkan pembeli bukanlah ahli sebagai imbalan menggunakan wang *wadi'ah* pembeli sebagai modal. Maka, jual beli sedemikian telah termasuk dalam jual beli *riba* menurut pandangan ulama' (Wahbah al-Zuhailiy 2004). Ini kerana perbezaan harga jualan ahli dari harga jualan bukan ahli adalah manfaat yang ditetapkan di awal transaksi dan diperoleh oleh pembeli.

Melalui konsep *lock price* dan *wa'd*, perkara yang berlaku adalah penjual telah memberitahu pembeli terlebih dahulu akan syarat-syarat pembayaran ganti rugi mengikut waktu *lock price* dilakukan. Setelah 3 hari berlalu, pembeli membatalkan tempahan dan ganti rugi dikenakan kepada pembeli berdasarkan harga semasa tempahan dibuat dan bukan harga semasa pembatalan. Perkara ini tidak dibolehkan. Tempahan seperti ini dinamakan *wa'd* yang bersifat *mu'awadah* (Md Faruk dan Asmak 2015) yang dapat dilihat melalui kesan yang berlaku terhadap kedua-dua pihak penjual dan pembeli di awal proses *lock price*. Perkara ini bertentangan dengan *syarak*.

Seterusnya, penjual membuat iklan jualan emas, kemudian pembeli yang berminat memberitahu penjual ingin membeli emas. Seterusnya, penjual tersebut tidak memberitahu pembeli di mana kedudukan emas tersebut berada. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Ini kerana jika lokasi emas tersebut tidak diketahui, menandakan pihak pembeli yang akan menanggung risiko terhadap emas tersebut (Ahmad Sufyan dan Mohammad Badruzzaman 2015) seperti kehilangan emas semasa penghantaran melalui perkhidmatan pos. Perkara ini bertujuan bagi mengelakkan berlakunya kerugian bagi pihak yang tidak seharusnya menanggung risiko tersebut.

Selain itu, kebanyakan penjual tidak meneliti kemampuan dan prestasi syarikat dari sudut pengeluaran produk emas. Sebaliknya lebih meneliti bonus-bonus yang diperolehinya melalui pelan MLM syarikat. Ketidakpastian ini menandakan berlakunya jual beli *gharar* (Zaharuddin Ab Rahman 2009).

Justeru, berdasarkan analisis kedua-dua sub topik ini, dapat diketahui bahawa menjadi satu keperluan untuk memperhalusi proses transaksi yang dilakukan dalam jual beli emas secara MLM. Satu *Standard Operation Procedures* (SOP) harus ditubuhkan bagi memastikan jual beli emas secara MLM memenuhi kehendak *syarak*.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, transaksi jual beli emas secara MLM dibolehkan. Namun begitu, transaksi tersebut mestilah mematuhi setiap syarat-syarat barangan *ribawi* serta menghindari dari terjadinya jual beli *gharar*. Oleh itu, satu garis panduan berkaitan

jual beli emas melalui MLM perlu dibentuk oleh pihak syarikat bersama penasihat syari'ah bagi membolehkan transaksi yang melibatkan produk emas secara MLM dapat memenuhi tuntutan *syarak*.

Tambahan lagi jika dilihat pada hari ini di Malaysia terdapat emas yang dijual melalui MLM seperti Zenith Gold International Limited, Powergold Dot Biz Sdn. Bhd., FMZ Group International Sdn. Bhd. dan lain-lain. Transaksi emas seperti ini perlu diperhalusi menurut perspektif *muamalat* Islam supaya kedudukan transaksinya adalah patuh syariah.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abu Dawud, Sulaiman al-'Ashath al-Sajistaniy. 2009. *Sunan Abi Daud*. Jil. 5. Shuaab al- Arnaut dan Muhammad Kamil Qarah Baliliy. Damsyik: al-Risslah al-Alamiyyah.
- Ahmad Sufian Bin Che Abdullah & Mohammad Badruzzaman Bin Hassan. 2015. Pelaburan Halal: Isu-Isu Shari'ah Dalam Pelaburan Emas Di Masa Kini. *Proceedings The 2nd International Convention On Islamic Management*, hlm. 182-190.
- Anon. Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Shari'ah Dalam Kewangan Islam*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Anon. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). 1993. *Garis Panduan: Permohonan Lesen Jualan Langsung*. <http://www.kpdnkk.gov.my/index.php/my/29-peniaga/572-> [November 3, 2016].
- Anon. Majm'a al-Fiqh al-Islamiy. 1990. al-Qabd: Shurah wa bi Khassah al-Mustajidah Minha wa Ahkamuha. <http://www.iifa-aifi.org/1792.html> [November 4, 2016].
- Anon. Majm'a al-Fiqh al-Islamiy. 2009. Min Qararat al-Majm'a al-Fiqhiy Hawl al-Umlah al-Waraqiyah. <http://ar.islamway.net/fatwa/31639/من-قرارات-المجمع-الفقهى-حول-العملة-الورقية> [Oktober 13, 2016].
- Anon. MLM Smart Resources Sdn. Bhd. The Direct Selling License & Approval Letter In Malaysia. <http://mlmsmartresources.com/page/the-industry> [February 26, 2017].
- Anon. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2011. Parameter Pelaburan Emas. <http://e-muamalat.islam.gov.my/keputusanmuzakarah/parameter-pelaburan-emas> [Oktober 20, 2016].
- Anon. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2013. *Garis Panduan Peniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Anon. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2006. *Keputusan Majlis Penasihat Shari'ah Suruhanjaya Sekuriti*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Anon. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2014. *Keputusan Majlis Penasihat Shari'ah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Anon. World Federation of Direct Selling Associations. World Federation of Direct Selling Associations reports record-setting 2015 retail sales of USD 183.7 billion. <http://wfdsa.org/world-federation-of-direct-selling-associations-reports-record-setting-2015-retail-sales-of-usd-183-7-billion/> [February 26, 2017].
- Azman Mohd Noor. 2014. Jual Beli Emas Melalui "Lock In" Harga Dan Dikenakan Denda Bagi Pembatalan, <http://drazman.net/2014/10/jual-beli-emas-melalui-lock-harga-dan-dikenakan-denda-bagi-pembatalan/> [Oktober 24, 2016].
- Azman Mohd Noor. 2014. Soalan: Bolehkah saya membeli emas dengan cara lock in harga, duit diserahkan dahulu sebagai wadiah kepada syarikat penjual emas, emas diserahkan kemudian ketika akad dilaksanakan pada hari penyerahan? <http://drazman.net/2014/09/soalan-bolehkah-saya-membeli-emas-dengan-cara-lock-in-harga-duit-diserahkan-dahulu-sebagai-wadiah-kepada-sharikat-penjual-emas-emas-diserahkan-kemudian-ketika-akad-dilaksanakan-pada-hari-penyeraha/> [Oktober 15, 2016].

- Aznan Bin Hasan. 2008. Pengertian al-Wa'd, al-Wa'dan dan al-Muwa'adah. Kertas kerja. Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Kali Ke-2. Anjuran *International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)*. Kuala Lumpur: 27-28 Februari.
- al-Duwaisy, Ahmad Bin Abdurrazaq (pnys.). 2009. *Fatwa-Fatwa Jual Beli*. Terj. M. Abdul Ghoffar. Ulang cetak. Bogor: Pustaka al-Shafi'i.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Mahadi Mohammad dan Ahmad Tarmizi Taha. 2015. *Panduan Syara' Tentang Emas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin Bin Salamon dan Nurul Nadia Binti Abdul Wahab. 2010. *Penglibatan Pelajar Sebagai Ejen MLM: Kajian Terhadap Pelajar SPI*. Artikel, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia UTM.
- Ibn Faris, Ahmad Bin Faris. 1979. *Maqayis al-Lughah*. Jil. 2. Abd al-Salam Muhammad Harun (pnyt.). Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Jaziriy, Abdul al-Rahman. 2003. *al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*. Ulang cetak. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilamiyyah.
- Lokmanulhakim Hussain, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohd Badruddin Badri dan Apnizan Abdullah. 2012. Analisis Shari'ah Terhadap Produk-Produk Emas Di Malaysia. *Research Paper di International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)* 36: 1-48.
- Marjan Muhammad, Hakimah Yaacob dan Shabana Hasan. 2011. The Bindingness And Enforceability Of A Unilateral Promise (Wa'd): An Analysis From Islamic Law And Legal Perspectives. *Research Paper di International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)* 30: 1-90.
- Md. Faruk Abdullah dan Asmak Ab Rahman. 2015. Is Wa'dan Any Different To Muwa'adah Empirical Evidence From Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 8(3): 310-328.
- Mohd Bahroddin Bin Badri. 2015. Qabd (Possession): An Overview. *International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)* Jun: 1-2.
- Mohd Nazri Chik. 2011. Pendirian Syariah Terhadap Penggunaan Wang Kertas (Fiat Money). Kertas Kerja Konvensyen Kewangan Islam. [http://www.bankislam.com.my/en/news/Pages/Shariah%E2%80%99s%20PrinPrinc%20Towards%20The%20Usage%20of%20Paper%20Money%20\(Notes\)%20\(Bahasa%20Malaysia\).pdf](http://www.bankislam.com.my/en/news/Pages/Shariah%E2%80%99s%20PrinPrinc%20Towards%20The%20Usage%20of%20Paper%20Money%20(Notes)%20(Bahasa%20Malaysia).pdf) [Mei 26, 2017].
- Mohd Noor Azman. 2014. Halal Dan Haram Dalam Peniagaan Emas. Kertas Kerja Wacana Kewangan Islam. Anjuran *Masjid Hasanah*. Bangi. 1 November.
- Muhamad Zuhaili Saiman dan Ahmad Dahlan Salleh. 2015. Kajian Konsep Al-Wa'd Dan Al-Wa'dan Menerusi Kaedah "Lock Price" Dalam Urusniaga Bertanggung Emas Fizikal. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015 (PAFSPI 2015)*, hlm. 300-314.
- Muslim, Muslim al-Hajaj. 1991. *Sahih Muslim*. Jil. 5. Muhammad Fu'ad Abd al-Baqiy (pnyt.). Bayrut: Dar al-Ihya'a al-Turath al-Arabiyy.
- al-Nawawiy, Abi Zakaria Mahy al-Din Sharaf. t.th. *al-Majmuk Sharh al-Muhazzab al-Shairaziy*. Muhammad Najib al-Mutiyy (pnyt.). Arab Saudi: Maktabah al-Irshad.
- Nur al-Din, Ali Bin Abi Bakr. 2001. *Majma al-Zawa'id Manba al-Fawa'id*. Jil. 4. Muhammad Abdul Qsdir Ahmad Ata (pnyt.). Bayrut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Randal Liandra. 2015. Rasionalitas Member Dalam Bisnis Multi Level Marketing. Tesis Universiti Maritim Raja Ali Haji Tanjung Pinang. http://jurnal.umrah.ac.id/wp-content/uploads/gravity_forms/1-ec61c9cb232a03a96d0947c6478e525e/2015/08/NASKAH-PUBLIKASI-PDF.pdf [November 4, 2016].
- Salmy Edawati Binti Yaacob, Sanep Bin Ahmad, Wan Kamal Bin Mujani. 2015. *Dilema Dinar Emas*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Bin Ahmad dan Salmy Edawati Binti Yaacob. 2012. *Dinar Emas: Sejarah dan Aplikasi Semasa*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad Bin al-Khathib. 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Faz al-Minhaj*. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Marifah.
- Siti Nurul Ain Bin Jamil dan Najib Bin Mohamamed. 2012. *Revolusi MLM*. Cetak ulang. Selangor: True Wealth Sdn. Bhd.

- al-Suyutiy, Jalal al-Din Abdul al-Rahman. 1983. *al-`Asbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furuu Fiqh al-Shafiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilamiyyah.
- al-Tirmizi, Abi Isa Muhammad Bin Isa. 1998. *Sunan al-Tirmizi*. Jil. 6. Bashir Awwad M'aruf (pnyt.). Bayrut: Dar al-Ghorb al-Islamiy.
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). 2014. *Emas Bukan Sekadar Perhiasan*. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
- Yusni Mohamad Bin Yusak dan Mat Noor Bin Mat Zain. 2011. Perolehan Dalam MLM Menurut Perspektif Islam. *Prosiding Kolokium Siswazah Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia*, hlm. 1-14.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2009. *Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram Dalam Kewangan Pembankan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2010. *Keingkararan Menempah Ancaman Riba dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- al-Zuhailiy, Wahbah. 2004. *al-Fiqh al-Islamiy wa 'Adillatuh*. Cetak ulang. Jil. 5. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhailiy, Wahbah. 2011. *al-Muktamad fi al-Fiqh al-Shafiyy*. Cetak ulang. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Shamiyyah.

Mohamad Syahir Bin Mohamad
Postgraduate Student
mhmd_syahir@siswa.ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Salmy Edawati Bt Yaacob
salmy1001@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Azlin Alisa Bt Ahmad
azlinalisa@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Dr. Salmy Edawati Yaacob

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

Published by:

Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 2(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.